

Ucapan: 14/10/2017

Majlis Konvokesyen UTHM ke-17 (sidang kedua)

KETUA SETIAUSAHA NEGARA: Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Ir Jamilus Md Hussin,

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berbahagia Profesor Dr. Wahid bin Razzaly,

Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah,

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor,

Ahli-ahli Senat dan Pegawai-pegawai kanan universiti,

Yang kita raikan, Para Graduan,

Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan serta para hadirin sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas limpah kurnia dan izinNya jua, dapat kita berhimpun bersama di Majlis Konvokesyen Ke-17 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada petang ini.

2. Kepada para graduan, saya bagi pihak seluruh warga Universiti ini, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kerana pada hari yang bersejarah ini, saudara dan saudari telah berjaya meraih segulung ijazah yang selama ini menjadi impian dan harapan semua.
3. Tidak ketinggalan juga, saya turut mengucapkan setinggi tinggi tahniah kepada semua ibu bapa dan ahli keluarga para graduan yang hadir bersama-sama kita pada hari ini. Saya yakin, tanggungjawab dan peranan yang telah dipikul oleh ibu bapa para graduan dalam usaha untuk menjadikan anak-anak mereka berjaya meraih ijazah pada hari ini amatlah besar dan tidak ternilai pengorbanannya.
4. Kepada seluruh warga kerja Universiti ini, syabas dan tahniah kerana telah berjaya menempatkan Universiti ini pada mercu tanda pendidikan tinggi Negara, yang setanding dengan Universiti-Universiti ternama Negara kita yang lain.
5. Walaupun baru menjangkau usia 24 tahun, namun Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah melakar kejayaan yang amat membanggakan kita semua, khususnya dalam bidang akademik, penerbitan, khidmat kemasyarakatan, penyelidikan, inovasi dan perundingan. Saya berharap, setiap warga kerja Universiti akan terus berusaha meningkatkan lagi tradisi kecemerlangan Universiti ini dari masa ke semasa.

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan serta para graduan yang dikasihi sekalian.

KEJAYAAN KERAJAAN DALAM MEMACU PERTUMBUHAN NEGARA

6. Dalam era globalisasi yang mendasari gelombang perubahan masa kini, aspek daya saing menjadi pemacu utama negara menuju kejayaan. Daya saing telah menjadi kayu pengukur prestasi dan pencapaian ke atas pelbagai dimensi pembangunan sesebuah negara.

7. **Kerajaan dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak**, telah berjaya meletakkan **negara di landasan yang betul**. Hakikatnya, **ekonomi negara tumbuh pada kadar 5.8% pada suku tahun kedua** tahun ini, berbanding **5.6% pada suku tahun pertama**. **Bank Dunia telah mengkaji semula kadar pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 5.2% berbanding 4.9% sebelum ini**. **Unjuran ini oleh Bank Dunia melebihi unjuran Kerajaan diantara 4.3% hingga 4.8%**. **Pendapatan Negara Kasar meningkat hamper 50% diantara tahun 2009 hingga 2016**. **Untuk makluman para graduan hari ini yang bakal menempa dunia pekerjaan, Kerajaan telah mewujudkan 2.26 juta pekerjaan, iaitu 69% daripada 3.3 juta pekerjaan yang disasarkan menjelang tahun 2020**.
8. Impak globalisasi telah memberi kesan terhadap **daya saing dalam dunia pendidikan**. Saya percaya, UTHM sentiasa berusaha melahirkan modal insan yang berkualiti mempunyai kemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan berdaya saing. Sehubungan dengan itu, pengajaran dan pembelajaran yang lebih memfokuskan kepada **kebolehan graduan secara holistik** melalui aktiviti akademik yang bersepadu diterapkan dalam sistem pembelajaran di UTHM.

KEJAYAAN INDIVIDU PADA ERA FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION

9. Sebagai seorang graduan, saudara dan saudari bakal menghadapi realiti sektor pekerjaan yang sememangnya penuh cabaran. Oleh yang demikian, saudara dan saudari perlu terus berusaha untuk mempelajari dan **memupuk kemahiran serta nilai budaya kompetensi yang tinggi** di dalam diri untuk kekal relevan dalam dunia hari ini. Perkara ini menjadi lebih mustahak dalam keadaan di mana kita berada dalam ambang **Revolusi Industri Ke - 4** atau [*The Fourth Industrial Revolution*](#).
10. Kemahiran-kemahiran seperti *Multitasking, People Management and Coordination, Service Orientation* dan *Social Skills* adalah mustahak untuk dipelajari dan dikuasai agar saudara dan saudari terus kekal relevan dalam suasana industri yang semakin berubah.

11. Tetapi, bagi pandangan saya, yang paling penting adalah hati nurani kita. ***“Our heart” is the key to getting things Done Effectively and Great.*** Dalam setiap organisasi, kerajaan mahupun swasta, fokus diberikan kepada sumber kewangan, teknologi maklumat dan modal insan untuk melaksanakan sesuatu program atau dasar. **Kunci kejayaan kepada pelaksanaan sesuatu perkara terletak kepada keinginan kita untuk melakukan yang terbaik.** Dan keinginan ini puncanya, pada hati kita. Kalau hati kita ikhlas, untuk membantu orang, untuk melakukan kewajipan kita sebagai ummah di dunia ini, maka, kita akan berjaya dimana sahaja.

PERKEMBANGAN TERKINI UTHM

Para graduan yang saya hormati sekalian,

12. Menyentuh mengenai suasana industri masa kini dan akan datang, bermula sesi pengajian September 2017, UTHM telah membuka kampus cawangan di **Hub Pendidikan Tinggi Pagoh** yang dilengkapi dengan perbagai kemudahan asas. Sejumlah tiga fakulti telah beroperasi di kampus UTHM Pagoh iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD) yang melibatkan sebanyak **4,680 orang pelajar.**

13. **Perkembangan pesat industri keretapi di Malaysia yakni MRT dan High-Speed Rail Malaysia-Singapura,** telah mendorong Universiti menawarkan kursus baharu peringkat sarjana dalam bidang kejuruteraan keretapi dibawah kendalian Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) yang merupakan **kursus pertama yang seumpamanya di ASEAN.** Kursus ini dibangunkan hasil kerjasama dengan beberapa pemain industri yang mempunyai kepakaran dalam bidang lokomotif.

14. Kursus ini dilengkapi dengan beberapa set *Light Rail Vehicle* sumbangan daripada pihak industri melalui perjanjian kerjasama yang dimeterai. Dengan adanya kursus ini, maka lebih banyak tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan keretapi dapat diwujudkan bagi **memenuhi keperluan pasaran industri keretapi.**

Para graduan yang saya hormati sekalian,

15. UTHM bakal menjadi universiti pertama di Asia Tenggara yang memiliki **lapangan terbang sendiri** bagi dijadikan kampus penerbangan bersepadu menjelang 2019 dengan fasiliti lengkap termasuk fasiliti hangar dan kemudahan Kawalan Trafik Udara (ATC) yang diiktiraf oleh Department of Civil Aviation (DCA). Pada masa ini, hanya ada 4 universiti seluruh dunia yang memiliki fasiliti lapangan terbang sendiri iaitu:

- i. Embry-Riddle Aeronautical University, Daytona Beach, Florida, Amerika Syarikat;
- ii. Purdue University Airport, Indiana, Amerika Syarikat;
- iii. RMIT University, Australia; dan
- iv. Cranfield University, United Kingdom

16. Kerajaan telah memberi kebenaran kepada **UTHM untuk membangunkan lapangan terbang Tanjung Laboh**. Lapangan terbang tersebut bakal dijadikan **kampus utama Fakulti Aeronautik** untuk melatih juruterbang dan jurutera penyelenggaraan pesawat.

17. Dengan adanya Fakulti Aeronautik kelak, Universiti dapat menawarkan **2 pilihan program Sarjana Muda Aeronautik** iaitu pelesenan juruterbang dan pelesenan jurutera pesawat yang membolehkan mereka memperoleh lesen juruterbang atau jurutera. Dengan adanya pelbagai kemudahan penerbangan, pengajian sarjana muda dan latihan pelesenan penerbangan akan dilaksanakan serentak dan pelajar dapat menamatkan pengajian dalam tempoh 4 tahun. Bagi menjamin kualiti graduan yang dihasilkan, program ini telah mendapat **pengiktirafan daripada Malaysia Qualifying Accreditation (MQA)**. Malahan program ini turut mendapat permintaan baik daripada pelajar luar negara termasuk negara India dan China.

18. Kesemua usaha proaktif Universiti membuktikan bahawa UTHM sering mengorak langkah jauh dalam menjadi Universiti yang terunggul sama ada di peringkat kebangsaan, serantau atau antarabangsa.

BERSYUKUR DIATAS KEJAYAAN NEGARA

19. Kerajaan kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato Sri' Mohd. Najib Tun Abdul Razak sedar bahawa mahasiswa - mahasiswi adalah aset negara yang tidak ternilai dan saya yakin bahawa **Kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan kebajikan para graduan sentiasa terjaga** dengan mewujudkan pelbagai kursus - kursus yang relevan dengan tuntutan industri dan peluang - peluang pekerjaan baharu dari semasa ke semasa.

Para graduan yang saya hormati sekalian,

20. Sebagai graduan UTHM, saudara dan saudari bukan sahaja perlu berbangga malah seharusnya **menjaga nama dan imej universiti sesudah berada di dunia luar.**

21. Saya yakin, saudara saudari para graduan, adalah generasi muda yang telah terdidik minda, emosi, akhlak dan jati diri, tentunya bakal menerajui pembangunan negara kita yang tercinta ini dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.

22. Kita semua seharusnya **bersyukur diatas pembangunan negara** pada hari ini. Namun begitu, kita seharusnya tidak alpa dan leka, dunia globalisasi pada hari telah mewujudkan satu ruang yang luas tanpa batasan (*borderless*) untuk pertukaran maklumat dan pandangan melalui pelbagai saluran.

23. Oleh itu, saya menyeru kepada saudara dan saudari agar **tidak terus menularkan** apa jua bahan media yang tidak sahih melalui laman media sosial seperti *Twitter, Facebook* dan *Instagram*. Jangan sekali-kali terjebak dan terpengaruh dengan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memburukkan nama dan imej negara. Ini bukan sahaja tidak membawa faedah kepada mana-mana pihak yang terlibat, malah akan menjejaskan imej dan mencemarkan nama baik Universiti.

24. Teras utama dalam pengukuhan kecemerlangan seseorang teknokrat dan profesional ialah **penghayatan nilai integriti yang tinggi**. Ilmu dan profesionalisma, tanpa adanya nilai dan budaya integriti, tentunya tidak akan menjamin pembangunan yang makmur dan sejahtera kepada negara kita. Marilah kita bangunkan negara ini berteraskan integriti yang tinggi dan dengan **semangat kecintaan kepada negara**.

PENUTUP

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan serta para graduan yang dikasihi sekalian.

25. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada para graduan, dan seterusnya kepada ibubapa dan seluruh ahli keluarga para graduan yang hadir hari ini. Ucapan tahniah dan terima kasih juga saya panjangkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi, kepada Kerajaan Negeri Johor, kepada seluruh Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, kepada pihak media, kepada Profesor Dr. Wahid bin Razzly, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan seluruh warga kerja universiti. Dan tidak ketinggalan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan usaha-usaha murni universiti ini.

26. Harapan dan pesanan saya ialah semoga saudara dan saudari dapat meneruskan serta menyemarakkan lagi obor kecemerlangan UTHM kerana anda semua adalah penyambung warisan Universiti ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19145/Majlis-Konvokesyen-UTHM-ke-17-sidang-kedua>